

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' CHAI KIM SEN

TARIKH : 15 JUN 2016 (RABU)

SOALAN : 67

Dato' Chai Kim Sen minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian demi memastikan kesemua pengguna internet dapat manfaat daripada pengurangan yuran “*internet port*” dan peningkatan kapasiti “*internet node*”.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat telekomunikasi melaksanakan pelbagai pakej perkhidmatan jalur lebar dengan harga dan kapasiti yang berlainan untuk memenuhi permintaan pengguna. Tingkah laku pasaran semasa ini akan mempengaruhi penawaran. Lazimnya, kerajaan tidak campur tangan di dalam pelaksanaan pakej-pakej tersebut.

SOALAN NO: 67

Walau bagaimanapun, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau harga perkhidmatan jalur lebar dan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan bahawa harga perkhidmatan jalur lebar adalah berpatutan supaya rakyat dari golongan pendapatan rendah turut menikmati perkhidmatan tersebut.

Sebagai contohnya, pada tahun lalu, SKMM telah bekerjasama dengan syarikat-syarikat telekomunikasi bagi melaksanakan pakej jalur lebar mudah alih dengan kuota data 1GB pada harga RM25 sebulan dan pakej jalur lebar tetap berkelajuan 1Mbps dengan kuota data 1GB pada harga RM38 sebulan.